



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MAJLIS MEMPERINGATI YANG TERAMAT MULIA ALMARHUM TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ

KUALA LUMPUR, 17 Februari – Majlis Memperingati Yang Teramat Mulia (YTM) Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah diadakan hari ini sebagai apresiasi terhadap pengorbanan, jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Perdana Menteri Pertama dan Bapa Kemerdekaan Malaysia. Majlis telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri bertempat di Memorial Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.

Penganjuran program ini adalah selaras dalam usaha **menyebarluaskan maklumat sejarah dan legasi ketokohan YTM Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj** yang telah banyak memberi sumbangan dalam perjuangan kemerdekaan penubuhan Malaysia, membangunkan ekonomi negara, serta membentuk perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang agama dan bangsa.

Kepimpinan YTM Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang berteraskan toleransi, keadilan dan kasih sayang telah membentuk asas kukuh kepada perpaduan rakyat Malaysia pelbagai kaum, agama dan budaya. Almarhum berusaha mengukuhkan hubungan antara kaum dan mewujudkan dasar-dasar yang memastikan setiap rakyat mendapat layanan yang adil dan saksama.

Selaras dengan gagasan Kerajaan MADANI yang menekankan aspek kesejahteraan, keadilan sosial, dan keterangkuman, nilai-nilai kepimpinan Almarhum terus relevan dalam membina negara yang harmoni dan progresif.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata, “Dalam era moden ini, nilai-nilai perpaduan yang diperjuangkan oleh Tunku Abdul Rahman harus terus disemarakkan dan diperkuuhkan. Cabaran yang kita hadapi hari ini, termasuk perbezaan fahaman politik, isu sosial, serta ancaman kepada keharmonian kaum, memerlukan kita untuk terus bersatu dan mengamalkan semangat kebersamaan”.

“Kita harus mencontohi kepimpinan dan wawasan Tunku dengan memastikan prinsip Rukun Negara sentiasa dijadikan panduan dalam kehidupan seharian kita. Prinsip-prinsip ini bukan sekadar slogan, tetapi menjadi asas yang mengikat kita sebagai rakyat

Malaysia”, tambah beliau.

YAB Perdana Menteri juga turut meluangkan masa untuk melawat pameran di Memorial Tunku Abdul Rahman yang menempatkan semua warisan, nilai-nilai kepimpinan dan pusat perolehan bahan sejarah negara seperti Pejabat Perdana Menteri yang pertama, Meja Pengisytiharan Kemerdekaan iaitu meja yang digunakan semasa Majlis Pengisytiharan Kemerdekaan Tanah Melayu di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957 dan Meja Pemahsyuran Malaysia iaitu meja yang digunakan semasa Majlis Pemahsyuran Malaysia di Stadium Merdeka pada 16 September 1963.

Memorial Tunku Abdul Rahman Putra telah dibuka dengan rasminya pada 10 November 1994 sebagai memperingati dan mengenang jasa dan sumbangan bakti YTM Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Memorial ini mempamerkan semua warisan berkaitan dengan Tunku yang terdiri daripada pelbagai bahan seperti dokumen, gambar, hadiah, keratan akhbar dan barang peribadi.

Kementerian Perpaduan Negara

15 Februari 2025

KPN.100-9/1/16 (9)